

CNS0320

U GB 22-03 00232 BA321

aab

Mahathir - Pasifik

MALAYSIA MENYOKONG EKONOMI KESERANTAUAN YANG TERBUKA DI PASIFIK

J

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi bahawa Malaysia komited kepada matlamat-matlamat memastikan masyarakat Pasifik berpegang kepada perlu mustahaknya ekonomi keserantauan yang terbuka.

Adalah perlu, katanya, bagi anggota-anggota masyarakat Pasifik menubuhkan sebuah masyarakat yang sama rata, bukan sebuah masyarakat yang dipengaruhi atau dikuasai oleh sesebuah negara bagi memastikan produktiviti yang diperlukan.

"Kita tidak boleh menerima Pax Sinica, kita tidak boleh menerima Pax Nipponica, atau Pax Americana... bukan sekarang dan bukan di masa depan," katanya sambil menambah bahawa sebaliknya Malaysia percaya kepada pembentukan sebuah Pax Pacifica, sebuah pax tanpa kepimpinan mutlak, pelindung atau seorang tuan besar.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan dasarnya pada mesyuarat agung antarabangsa ke 10 Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC). Mesyuarat peringkat tinggi itu dihadiri oleh beberapa orang ketua kerajaan dan pemimpin negara-negara Lembangan Pasifik.

"Kita menyumbang kepada sebuah Pasifik yang saling bergantung dan pembangunan masyarakatnya apabila kita membaiki hubungan-hubungan dua hala antara kita. Kita menyumbang apabila kita memperbaiki hubungan dan memelihara keamanan dan kemakmuran kejiranan," katanya. Beliau berkata semuanya ini hendaklah menjadi sebahagian daripada proses pembangunan masyarakat yang berbilang lapisan dan berbilang dimensi.

Dr Mahathir berkata kepimpinan mutlak bukan satu ilusi yang dibentuk berasaskan penyimpangan daripada kenyataan, tetapi ia tidak menafikan tentang perlunya kepimpinan. -- lagi

▼22/03/12-33MST

CNS0337

U GB 22-03 00176 BA322

aab

Mahathir - Pasifik 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata beliau percaya bahawa adalah tidak kurang penting untuk memastikan sebuah masyarakat Pasifik yang demokratik dan saling menyetujui berasaskan kepada prinsip-prinsip yang sama.

Beliau berkata sebenarnya seluruh planet sepatutnya menjadi sebuah pasaran tunggal, sebuah blok perdagangan tunggal, dengan halangan-halangan dan pengherotan-pengherotan paling sedikit kepada kebebasan dan pertukaran barangan dan perkhidmatan.

"Bolehkah kita menyetujui bahawa perdagangan bebas dunia, seperti demokrasi yang mewarisi segala ketidaksempurnaan itu merupakan pilihan terbaik setakat ini, yang memastikan yang terbaik kepada jumlah yang paling banyak?" tanya beliau.

Perdana Menteri berkata beliau pernah beranggapan mereka semua menyetujui bahawa ekonomi arahan menjadikan ekonomi yang bukan-bukan dalam sistem ekonomi antarabangsa, sama seperti ia menjadikan ekonomi yang bukan-bukan dalam lingkungan sistem ekonomi domestik.

Beliau berkata bahawa sudah tentu tidak boleh dipersoalkan tentang kebenaran bahawa keserantauan ekonomi adalah satu kenyataan hidup yang tidak akan hilang. Sejak Perang Dunia Kedua, lebih daripada 55 peraturan perdagangan serantau telah dikemukakan kepada GATT (Perjanjian Umum .. mengenai Tarif dan Perdagangan) untuk pemeriksaan. -- lagi

▼22/03/13-00MST

CNS0355

U GB 22-03 00191 BA323

aab

Malaysia - Pasifik 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata memandangkan blok-blok perdagangan tidak akan hilang dan sebaliknya mungkin berkembang, sudah tentu ia memerlukan kebijaksanaan kepimpinan berkaliber tinggi untuk memastikan bahawa ia akan dibuka seluas yang boleh kepada bukan anggota dan akan memberi sumbangan positif kepada liberalisme kesejagatan.

"Rundingan-cundingan Pusingan Uruguay boleh dikatakan telah berakhir. Kita perlu menunggu untuk melihat sejauh mana ia memberi makna.

"Saya berfikiran bahawa mereka yang percaya kepada liberalisme perdagangan akan terus berjuang menentang kuasa-kuasa perlindungan dan mereka yang mempercayai keserantauan terbuka, juga, tidak terlepas daripada perjuangan," katanya.

Perdana Menteri juga memberitahu lebih 100 peserta mesyuarat itu bahawa beliau adalah seorang nasionalis Malaysia, seorang warga Asean, orang Asia Tenggara, seorang insan sejagat dan seorang masyarakat Pasifik.

Katanya, sebagai seorang nasionalis (Malaysia), dia mahu membuka pintu ekonomi negara dengan lebih luas. Beliau berkata dalam tempoh enam tahun kebelakangan ini, Malaysia mencatat pertumbuhan sekitar 8.5 peratus setahun.

"Kita mesti menerokai semua kelebihan yang akan dibawa oleh liberalisasi dan keterbukaan. Seluruh dunia hendaklah dijadikan pasaran Malaysia dan kita mesti membabitkan seluruh dunia dalam mencapai Wawasan 2020," katanya. -- lagi

▼22/03/13-22MST

U GB 22-03 00175 BA324

aab

Mahathir - Pasifik 4 (akhir) Kuala Lumpur

Sebagai seorang warga Asean, Dr Mahathir berkata dia ingin melihat rantau itu terus dibuka agar ia menjadi lebih kuat, lebih berdaya saing dan lebih makmur.

Katanya, beliau yakin bahawa Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) bukan sahaja akan mengurangkan halangan-halangan dalaman tetapi juga halangan-halangan luaran kepada ekonomi-ekonomi dari luar rantau itu.

Sebagai orang Asia Tenggara dan Asia Timur, beliau ingin melihat sebuah Asia Tenggara yang terbuka dan peningkatan kerjasama ekonomi dan saling bergantung di kalangan negara-negara Asia Timur, dan keserantauan Asia Timur yang terbuka.

"Sebagai insan sejagat, saya tahu kita mesti memerangi perlindungan, perdagangan yang dijurus dan ekonomi arahan antarabangsa. Kita mesti berjuang untuk liberalisasi dan perdagangan bebas.

"Dan sebagai seorang masyarakat Pasifik, saya menggesa anda untuk mendedikasikan PECC dan negara-negara anda kepada keserantauan terbuka di Pasifik," tambahnya.

Dr Mahathir berkata: "Kita, di Pasifik yang menghasilkan tiga perlima daripada kekayaan planet ini, berhutang budi kepada rakyat kita dan kepada manusia sejagat." -- Bernama

ARG ZV SJA

CNS0403

U GB 22-03 00196 BA330

aab

Mahathir - Pasifik 5 (akhir) Kuala Lumpur (sambungan berita terdahulu)

Sebelum itu, pengerusi PECC yang juga pengerusi mesyuarat, Datuk Dr Noordin Sopiee, berkata mesyuarat itu komited untuk menjadikan PECC sebagai sebuah pergerakan kuat untuk keserantau terbuka -- dalam menghadapi mereka yang ingin menutup sempadan dan membina rintangan.

PECC menyokong hak mana-mana rantau untuk mengadakan kumpulan-kumpulan yang tidak bersikap diskriminasi -- sama ada di Asia Timur atau di mana-mana jua, kata Dr Noordin.

"Saya bercakap mewakili semua anggota PECC apabila saya berkata bahawa kita semua menentang sebarang kecenderungan dalam mana-mana kumpulan untuk mewujudkan kumpulan-kumpulan yang mengamalkan perbezaan.

"Saya tahu saya bercakap bagi pihak semua apabila saya menegaskan bahawa PECC bimbang dengan kecenderungan sesetengah ekonomi anggota untuk mensyaratkan perdagangan dan pelaburan kepada matlamat-matlamat pencapaian atau politik atau kefahaman," katanya.

Beliau berkata mesyuarat itu merupakan yang pertama selepas rundingan Pusingan Uruguay bagi PECC dan ia memberi peluang awal kepada negara-negara anggota untuk menyatakan bahawa apa yang telah dipersetujui mesti diperkatakan.

Dr Noordin berkata: "kita boleh menilai kesan-kesan penyelesaian pusingan rundingan itu. Kita boleh mula memperkatakan tentang apa yang harus menyusuli Pusingan (Uruguay)." -- Bernama

AG SJA